

12/10/2001

Paos yakin kekal untung

PAOS Holdings Bhd (Paos), pengeluar sabun dan minyak masak yakin dapat mengekalkan keuntungan tahun lalu meskipun berhadapan dengan pasaran yang tidak menentu disebabkan serangan Amerika Syarikat terhadap Afghanistan.

Pengerusi Eksekutif Paos, Datuk Lim Tong Yong, berkata unjuran penurunan eksport ke Pakistan dijangka diatasi menerusi peningkatan eksport ke pasaran penting lain termasuk China, Korea dan Jepun.

"Kami juga sedang berunding dengan pembeli untuk bersama-sama menanggung kos tambahan disebabkan peningkatan premium insurans dan sewa kapal," katanya selepas mesyuarat agung tahunan (AGM) syarikat itu di Petaling Jaya, semalam.

Paos adalah syarikat tempatan yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur pada Ogos 2000, terbabit dalam pengeluaran sabun, minyak masak dan kontrak pembuatan makanan binatang. Sebahagian besar produk Paos dieksport.

Antara 30-40 peratus produk Paos dieksport ke China, Korea 20 peratus, Jepun 5-10 peratus, Pakistan lima peratus dan bakinya ke Eropah dan Afrika.

Lim, usahawan yang mengambil alih 32.9 peratus kepentingan Datuk Mokhzani Mahathir dalam Pantai Holdings Bhd dan 12.6 peratus dalam Tongkah Holdings Bhd, berkata Paos memilih mengambil pendekatan konversatif dalam unjurannya tahun ini, cukup dengan sasaran mengekalkan keuntungan tahun lalu.

"Kami akan meneruskan apa yang sedang dilakukan sekarang dan pada masa yang sama memfokus untuk meningkatkan jumlah eksport di pasaran utama bagi mengimbangi kenaikan kos pengangkutan dan insurans," katanya.

Berikutan sebahagian besar bahan mentah produk Paos adalah minyak sawit mentah (CPO), Lim berkata, harga yang stabil pada RM1,000 bagi satu tan metrik, cukup memberikan pulangan baik kepada syarikat. Bagaimanapun, CPO sekarang berada jauh di bawah RM1,000 satu tan metrik.

Daripada tiga bahagian pengeluaran syarikat, sabun menyumbang 40-45 peratus kepada keuntungan kumpulan, minyak masak 30 peratus manakala makanan haiwan antara 15-20 peratus.

Bagaimanapun, disebabkan keadaan semasa Lim berkata, sumbangan keuntungan bahagian eksport sabun dijangka merosot kepada 30 peratus tahun ini manakala keuntungan bahagian makanan haiwan meningkat kepada 40 peratus.

(END)